

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)38

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

38. Adakah Kerajaan Negeri dalam penggal ini akan melaksanakan penggubalan Perlembagaan Negeri untuk memasukkan fasal *Fixed Term* supaya satu penggal Dewan Undangan Negeri ditetapkan untuk tempoh lima tahun dan tiada pembubaran yang boleh dilakukan oleh Ketua Menteri kecuali dengan syarat tertentu yang lebih ketat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

38. Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk meminda Perlembagaan Negeri untuk mewujudkan penggal tetap (*fixed term*) Dewan Undangan Negeri selama lima (5) tahun. Proses pembubaran Dewan Undangan Negeri adalah terletak di bawah kuasa Yang di-Pertua Negeri sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 19 Perlembagaan Negeri.